

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2021

**HARI SELASA : 14 DISEMBER 2021**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 3, 5, 13 HINGGA NO. 42 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [ CAMERON HIGHLANDS ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan pada tahun ini bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli serta apakah penambahbaikan dari segi hal ehwal ekonomi mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan kini terus komited bagi membasmi kemiskinan dan menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi di dalam negara keseluruhannya termasuk masyarakat Orang Asli. Bagi tahun 2021, di bawah fokus 4 Ekonomi Mampan Pelan Strategik, JAKOA masih meneruskan komponen Pelan Strategik dengan melaksanakan **Projek hands-holding, Bantuan Input Pertanian, Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) dan Kursus Pengembangan** yang dijangka dapat memanfaatkan kepada **3,595** peserta dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Dalam masa yang sama, penambahbaikan yang dilakukan oleh JAKOA adalah dengan memberikan penekanan kepada sektor-sektor terpilih yang dilihat mampu memberikan pulangan pendapatan kepada masyarakat Orang Asli khususnya seperti **tanaman padi huma, tanaman koko dan industri hiliran**. JAKOA juga sedang berkerjasama dengan rakan sinergi iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, MARDI dan Lembaga Koko Malaysia untuk membangunkan projek pertanian mengikut kepakaran agensi masing-masing.

Selain itu, JAKOA juga turut memperkasakan koperasi-koperasi dan Usahawan Orang Asli bagi meningkatkan sumber ekonomi mereka merangkumi pelbagai bantuan dan program yang merangkumi aspek eko-pelancongan, peruncitan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pertimbangan cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Pekan Engkilili dengan kampung Merio Nanga kerana jambatan yang sedia ada hanya mampu dilalui motorsikal sahaja. Pembinaan jambatan ini akan memberi manfaat kepada beberapa buah rumah panjang di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jambatan Konkrit Menyeberangi Sungai Batang Ai, Engkilili Bazaar, Bahagian Sri Aman telah diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021 dengan kos keseluruhan berjumlah RM16.52 juta. Skop projek ini adalah membina baru jambatan sepanjang 100 meter dengan kelebaran 12 meter. Status semasa projek ini adalah dalam proses pelantikan perunding oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian untuk menyediakan kemudahan '*drag track*' kepada peminat sukan pemotoran di Borneo dan apakah usaha merealisasikan cadangan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Mohon kebenaran untuk saya menjawab soalan nombor 13 bagi pihak **Menteri Belia dan Sukan**.

Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan tiada perancangan khusus untuk menyediakan kemudahan '*drag track*' kepada peminat sukan permotoran di Borneo. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang mengkaji dan meneliti semua projek naik taraf dan pembinaan baru kemudahan sukan di setiap negeri. Hal ini penting dalam memastikan semua kemudahan atau fasiliti yang akan dibina dan dinaik taraf dapat memberi manfaat berganda kepada masyarakat dalam usaha berterusan Kementerian untuk menjadikan sukan sebagai amalan gaya hidup aktif dan cergas.

Pihak Kementerian mengalu-alukan agar Yang Berhormat mengangkat cadangan pembinaan *drag track* ini kepada pihak Kementerian untuk diteliti dan dipertimbangkan di bawah pelan

## SOALAN NO : 13

pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Namun begitu, ia tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Keperluan membina *drag track* ini juga akan turut diperhalusi Kementerian dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM) selaku badan induk kawal selia perlumbaan.

Dalam menyokong minat dan kecenderungan peminat sukan permotoran di Borneo, pihak Kementerian telah menyalurkan dana bantuan pelaksanaan program kepada persatuan dan kelab sukan bermotor. Ia bertujuan untuk merancakkan semula aktiviti sukan permotoran dalam kalangan anak muda. Antara litar yang sering dijadikan aktiviti perlumbaan drag adalah di Litar Lapangan Terbang lama Mukah, STC Sandakan Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan aduan yang diterima terhadap masalah penipuan oleh majikan yang mendapat manfaat daripada Program Subsidi Upah (PSU) tetapi tidak membayar pekerja dengan betul sehingga Oktober 2021 serta kebijakan yang diambil untuk menanganinya.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Proses kelulusan Program Subsidi Upah melibatkan semakan pada syarat-syarat permohonan serta maklumat majikan melalui pendaftaran dan caruman majikan.

Antara syarat di bawah Program Subsidi Upah adalah majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja mereka. Setiap permohonan yang telah diluluskan akan dirujuk silang dengan maklumat pada permohonan tuntutan faedah kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerja.

Setakat 7 November 2021, PERKESO telah menerima sebanyak 4,423 aduan daripada pekerja terhadap majikan yang menyalahgunakan bayaran Program Subsidi Upah. Bayaran kepada majikan yang terlibat akan digantung sementara menunggu siasatan ke atas aduan-aduan selesai.

Daripada jumlah aduan yang diterima, 3,661 kes aduan merupakan aduan tidak berasas manakala bakinya, sejumlah 762 kes aduan terdiri daripada majikan yang telah diambil tindakan antaranya termasuklah notis tuntutan bayaran balik. PERKESO juga telah menggantung pembayaran kepada sejumlah 8,133 majikan yang didapati melanggar terma dan syarat iaitu membuat pemberhentian pekerja selepas menerima bantuan Program Subsidi Upah.

Selain itu, PERKESO juga telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan beberapa kes masih dalam tindakan siasatan. PERKESO akan meneruskan lagi perkongsian maklumat lengkap agar siasatan dapat dimulakan ke atas majikan-majikan yang gagal untuk mematuhi bayaran di bawah Program Subsidi Upah. PERKESO berhak untuk memberhentikan dan menggantung bayaran serta menuntut semula bayaran yang telah diterima dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap majikan yang gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [TUMPAT]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan penyusunan semula premis penjualan minuman beralkohol memandangkan peningkatan kes-kes jenayah dan kemalangan berkaitan dengan minuman beralkohol.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Ini termasuk premis-premis perniagaan seperti kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya.

Sekiranya premis-premis perniagaan seperti kedai serbaneka 24 jam, pasar mini dan pasar raya berkenaan ingin menjual minuman beralkohol, permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Daerah di kawasan tersebut. Kelulusan pengeluaran lesen menjual minuman keras adalah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Eksais di setiap daerah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 35, Akta Eksais 1976 (Akta 176).

Kelulusan hanya akan dikeluarkan selepas permohonan lesen penjualan arak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, pejabat daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Dalam hal ini, aspek kawalan untuk jualan minuman beralkohol boleh dilaksanakan di peringkat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah melalui pertimbangan kelulusan berdasarkan keperluan semasa di sesuatu kawasan. Sebagai contoh, ada PBT yang mensyaratkan supaya lesen perniagaan minuman beralkohol hanya dibenarkan sekiranya premis perniagaan berada sekurang-kurangnya 200 meter jauh dari kawasan yang mana majoriti penduduknya adalah beragama Islam.

## SOALAN NO : 15

Selain itu, terdapat PBT yang menetapkan syarat-syarat tambahan sebagai elemen kawalan kepada premis-premis yang menjual minuman beralkohol. Di antara mekanisme kawalan tersebut adalah seperti menetapkan pengusaha atau pemilik premis untuk menampal poster larangan menjual minuman beralkohol kepada orang Islam di pintu/dinding depan premis dan mengasingkan minuman beralkohol dengan lain-lain minuman di dalam ruang yang berbeza. Kawalan ini dilakukan bertujuan membendung penjualan minuman beralkohol kepada pembeli beragama Islam atau kepada pengguna yang berumur bawah 18 tahun.

Pada masa, ini KPKT tiada rancangan untuk mewujudkan zon alkohol. Melalui Rancangan Tempatan (RT), Kerajaan Negeri telah ada perancangan guna tanah masa hadapan yang mana ia melibatkan *zoning* guna tanah iaitu perniagaan, perumahan, industri, kemudahan awam serta kawasan lapang. Oleh itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat perancangan penyusunan semula premis penjualan minuman beralkohol dengan menetapkan dasar penjualan minuman keras dan menentukan zon kawasan-kawasan yang dibenarkan menjual minuman beralkohol.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah penerima biasiswa dan pinjaman pelajaran oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengikut kategori pendapatan isi rumah dan negeri-negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 6 Disember 2021, daripada keseluruhan 57,351 pelajar yang menerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA, seramai 51,037 orang atau 89% penerima adalah daripada golongan pendapatan isi rumah *Bottom 40* (B40). Manakala, seramai 5,619 orang atau 10% penerima daripada kumpulan isi rumah M40 dan pelajar daripada golongan isi rumah *Top 20* (T20) adalah seramai 695 orang atau 1%.

Penerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA yang tertinggi adalah dari negeri Selangor iaitu seramai 8,911 pelajar atau 15.5%. Manakala, negeri Perlis pula merekodkan jumlah penerima terendah iaitu seramai 585 pelajar atau 1%. Sementara itu, berdasarkan nisbah bilangan penduduk, Wilayah Persekutuan berada di kedudukan teratas pada kadar 51:1 dan negeri Sarawak berada di kedudukan terbawah pada nisbah 951:1.

**SOALAN NO : 16**

Butiran bilangan penerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA mengikut kumpulan pendapatan isi rumah dan negeri adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>T20</b>	<b>M40</b>	<b>B40</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>% Negeri</b>	<b>*Nisbah Bil Penduduk</b>
Selangor	164	1,219	7,528	8,911	15.5%	204:1
Wilayah Persekutuan	116	951	7,191			
- Kuala Lumpur	6	68	187	8,617	15%	51:1
- Putrajaya	1	15	82			
- Labuan						
Johor	69	552	5,634	6,255	10.9%	160:1
Kelantan	69	500	5,543	6,112	10.7%	136:1
Kedah	43	461	4,937	5,441	9.5%	143:1
Perak	52	392	4,451	4,895	8.5%	141:1
Terengganu	31	249	3,425	3,705	6.5%	152:1
Pahang	35	289	3,225	3,549	6.2%	175:1
Pulau Pinang	29	227	2,285	2,541	4.4%	156:1
Negeri Sembilan	28	239	2,145	2,412	4.2%	131:1
Melaka	20	174	1,761	1,955	3.4%	155:1
Sabah	11	120	1,214	1,345	2.4%	902:1
Sarawak	11	133	884	1,028	1.8%	951:1
Perlis	10	30	545	585	1%	177:1
<b>JUMLAH</b>	<b>695</b>	<b>5,619</b>	<b>51,037</b>	<b>57,351</b>	<b>100%</b>	
<b>% ISI RUMAH</b>	<b>1%</b>	<b>10%</b>	<b>89%</b>	<b>100%</b>		

\*Nisbah penerima pinjaman pelajaran MARA dengan bilangan penduduk (berumur 14-44 tahun) mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia bagi setiap negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah persediaan Kementerian dalam menghadapi segala kemungkinan penyebaran varian baharu seperti Varian Delta dan Beta seperti yang dilaporkan pada 7 Oktober 2021 sebanyak 392 Kes Varian baru dikesan. Ini bagi memastikan kehidupan rakyat tidak lagi dikurung dan sektor ekonomi seperti di Kamunting dan Matang dalam Parlimen Bukit Gantang tidak ditutup operasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah persediaan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menghadapi segala kemungkinan penyebaran varian baharu COVID-19 selain memastikan kehidupan rakyat tidak terkurung dan ekonomi berjalan seperti biasa adalah:

**i. Melakukan Kawalan Ketat di Pintu Masuk Antarabangsa**

Bermula pada 8 Disember 2021 lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan tindakan pengukuhan kepada langkah-langkah pencegahan dan kawalan sedia ada ke atas pengembara yang tiba di Malaysia bagi kategori berikut:

- a) *Vaccinated Travel Lane* (Udara);
  - b) *Vaccinated Travel Lane* (Darat);
  - c) Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB);
  - d) *One Stop Centre* (OSC) untuk pelawat perniagaan jangka pendek;
  - e) Pengembara dari negara-negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara; dan
  - f) Pengembara dari negara yang melaporkan penularan varian baharu Omicron dalam komuniti.
- Semua pengembara harus melakukan ujian RT-PCR dalam masa dua hari sebelum berlepas ke Malaysia, menggantikan prosedur terdahulu yang menetapkan 72 jam sebelum berlepas. Pengembara yang disahkan negatif COVID-19 sahaja yang dibenarkan masuk ke Malaysia.
  - Selain itu, bagi pengembara VTL (Udara/Darat), Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi, dan OSC perlu menjalani ujian Rapid Antigen (RTK-Ag) atau ujian pantas antigen (kendiri)



pada hari kedua, keempat dan keenam selepas ketibaan. Diikuti oleh ujian RTK-Ag atau ujian pantas antigen (profesional) pada hari ketiga dan kelima selepas ketibaan dengan semua keputusan ujian perlu dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera.

- Manakala pengembara dari negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara, termasuk warganegara dan pemegang pas lawatan jangka panjang akan dipakaikan peranti pengesanan digital sepanjang tempoh kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin tanpa mengira status vaksinasi, selain prosedur kuarantin dan pengujian semasa ketibaan dan sepanjang tempoh kuarantin adalah mengikut prosedur sedia ada.

**ii. Melakukan dan Menambah Kapasiti Analisa Penjujukan Genom**

- Melakukan analisis turutan jujukan genom penuh virus SARS-CoV-2 (COVID-19) dengan memberi fokus kepada pemantauan terhadap semua jenis mutasi gen. Untuk meningkatkan kapasiti penjujukan genom, suatu Konsortium telah ditubuhkan, yang merangkumi 7 makmal di bawah Kementerian Kesihatan, MOSTI serta Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Kerjasama Konsortium termasuk pengagihan sampel klinikal yang diterima oleh IMR dari semua JKN di Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan, kepada 7 makmal berkenaan.
- Sehingga 8 Disember 2021, jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan VOI adalah sebanyak 4,990 kes. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, 4,970 kes adalah VOC manakala 20 kes adalah VOI. Daripada jumlah VOC tersebut, 4,722 kes varian Delta, 233 kes varian Beta, 14 kes varian Alpha; dan satu (1) kes varian Omicron telah dikenal pasti.

## SOALAN NO : 17

- Bagi memastikan Konsortium terus menjalankan analisis penjujukan genom SARS-CoV-2, MOSTI turut mengumumkan tambahan dana sebanyak RM13.9 juta. Dana ini membolehkan kesinambungan dalam menjalankan penjujukan genom memandangkan adalah sangat penting bagi pemantauan kemasukan varian-varian baru ke Malaysia.

### iii. Memperluaskan Program Vaksinasi

- KKM sentiasa meningkatkan usaha untuk mencapai sasaran imunisasi penduduk Malaysia, termasuk pemberian vaksinasi kepada bukan warganegara. Pemberian vaksin ini juga bagi meningkatkan liputan vaksinasi bagi mengurangkan bilangan kes dengan gejala teruk yang memerlukan rawatan di hospital ataupun di unit rawatan rapi (ICU);
- Sehingga 12 Disember 2021 Malaysia telah mencapai peratus kumulatif pemberian satu dos vaksin COVID-19 sebanyak 79.4% dan dos lengkap vaksin sebanyak 78.1% bagi keseluruhan populasi. Manakala bagi peratus populasi dewasa yang telah mendapat satu dos vaksin telah mencecah hingga 98.6% dan 97.3% adalah penerima dos lengkap vaksin COVID-19 dalam kalangan populasi dewasa;
- Selain itu, pemberian vaksin kepada remaja berumur lingkungan 12 hingga 17 telah bermula pada 20 September 2021. Sehingga 12 Disember 2021, sebanyak 89.7% remaja berusia 12 hingga 17 tahun menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin dan 86.5% telah menerima dos lengkap.
- KKM juga telah memulakan pemberian dos penggalak (*booster dose*) kepada golongan berisiko bermula 13 Oktober 2021 dan sehingga kini sebanyak 3,663,587 dos penggalak telah diberikan. KKM menggalakkan supaya setiap individu mengambil dos penggalak agar tahap perlindungan yang optimum dapat dicapai

dan pemberian dos penggalak ini diperluaskan kepada golongan layak berumur 40 tahun ke atas terutamanya kepada mereka yang mempunyai komorboditi.

**iv. Memastikan Kadar Pematuhan Prosedur Standard Operasi (SOP) yang Tinggi dalam Kalangan Masyarakat**

- Penduduk Malaysia sentiasa diingatkan untuk mematuhi (SOP) walau di mana berada. Rakyat perlu memainkan peranan penting dalam mengurangkan jangkitan COVID-19 terhadap varian baharu yang bersifat mudah merebak. Oleh itu, KKM sentiasa menasihati orang ramai untuk mengelakkan perkumpulan beramai-ramai di mana penjarakan susah untuk diamalkan serta tidak memakai pelitup muka yang betul seperti disarankan. KKM sedang melihat kepada pendekatan untuk hidup dengan selamat bersama virus.
- Pemantauan dan penguatkuasaan juga sentiasa dipertingkatkan di kawasan berlaku peningkatan kes COVID-19, bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi SOP dan mengamalkan norma baharu. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ini melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa yang telah diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

**v. Memperkasakan Saringan Kendiri**

- Komuniti juga perlu diperkasakan bagi memantau keselamatan, kesihatan dan kebajikan ahli komuniti terutama kes COVID-19 positif dan kontak rapat yang diperintahkan menjalani pengasingan, pengawasan dan pemerhatian di rumah. Semua rakyat Malaysia dinasihatkan memperkukuhkan tindakan kesihatan sendiri dengan mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform and Seek*) bagi mendidik menjadi individu yang bertanggungjawab dan melindungi orang-orang di sekeliling kita daripada risiko jangkitan.

## SOALAN NO : 17

- Kerajaan juga telah membangunkan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS) dengan objektif yang jelas merangkumi strategi pengujian yang fleksibel mengikut perubahan epidemiologi COVID-19 dalam negara, ketersediaan sumber dan respon terhadap keupayaan sistem penjagaan kesihatan. Strategi pengujian COVID-19 merangkumi:
  - a) Pengujian di Tempat Kerja;
  - b) Sektor Pendidikan seperti universiti, kolej, sekolah menengah dan asrama pelbagai aliran serta sekolah rendah dan prasekolah pelbagai agensi;
  - c) Pengujian Perhimpunan Berskala Besar;
  - d) Kumpulan Sasaran seperti institusi yang menempatkan individu berisiko tinggi, penjara, pusat tahanan golongan pelarian, pendatang tanpa izin dan pendatang sementara (Transient Migrant); dan
  - e) Pengujian Pengembara Yang Tiba Di Malaysia Dari Luar Negara.
  
- Selain itu, antara kaedah pencegahan dan mengurangkan penularan jangkitan melalui respon kesihatan awam yang tepat pada waktunya dan bersasar untuk pengesanan kes dalam pengurusan wabak iaitu (*Find, Test, Trace, Isolate and Support strategy* - FTTIS).
  
- Ketersediaan ujian RTK Ag sendiri di farmasi atau fasiliti terpilih dengan harga mampu milik, memudahkan setiap lapisan masyarakat untuk melakukan ujian sendiri sekiranya bergejala dengan kadar segera. Secara tidak langsung, tindakan kawalan dan pencegahan dapat dilakukan dengan cepat bagi menghentikan penularan jangkitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam menangani polemik diskriminasi peluang pekerjaan yang melanda di sektor swasta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Sumber Manusia komited bahawa dasar yang diamalkan oleh Kerajaan adalah konsep kesamarataan termasuklah dalam isu peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang diwujudkan atau yang telah sedia ada tidak mengira latar belakang, bangsa, jantina, agama dan sebagainya bagi memastikan keharmonian Keluarga Malaysia terus dipelihara.

Kementerian telah membangunkan Portal Pekerjaan Negara iaitu MyFutureJobs untuk kegunaan rakyat secara umum. Majikan-majikan yang menggunakan portal ini bagi tujuan pengiklanan kekosongan jawatan perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dan tidak membuat pengiklanan jawatan yang boleh menimbulkan diskriminasi.

Dalam hal ini, Kementerian akan meneruskan lagi usaha untuk meningkatkan perpaduan dan kesedaran kepada semua pihak melalui sesi libat urus dengan *Industrial Lead Body* (ILB) dan juga mana-mana Jawatankuasa yang keanggotaannya adalah secara *tripartite*. Selain daripada itu, Kementerian juga akan sentiasa memantau syarat atau kriteria tertentu yang dinyatakan oleh majikan bagi disesuaikan dengan jawatan yang diiklankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS HAMID (KEMAMAN)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) statistik kuarters polis yang uzur dan sempit yang amat tidak sesuai untuk diduduki di seluruh negara; dan

(b) rancangan untuk membaik pulih kuarters polis di Parlimen Kemaman bagi kemudahan anggota.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah keseluruhan kuarters PDRM sedia ada di seluruh Malaysia adalah sebanyak 63,832 unit. Namun demikian, daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,271 unit kuarters adalah usang dan tidak diduduki. Pembaikan secara menyeluruh ke atas 8,271 unit ini telah menggunakan beberapa peruntukan seperti:

- i) Peruntukan di bawah pakej Perbelanjaan Pembangunan (DE) RP4 RMKe-11 Tahun 2019 berjumlah RM100 juta melibatkan 11,498 unit perumahan;
- ii) Peruntukan di bawah pakej Perbelanjaan Pembangunan (DE) RP4 RMKe-11 Tahun 2020 berjumlah RM67 juta melibatkan 1,021 unit perumahan;
- iii) Peruntukan di bawah pakej Pre Prihatin Tahun 2020 berjumlah RM50.1 juta melibatkan 764 lokasi di seluruh Malaysia; dan
- iv) Peruntukan di bawah Perbelanjaan Operasi (OE) Tahun 2020 berjumlah RM20 juta melibatkan pembaikan perumahan dan pejabat.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai tarikh kelulusan Rancangan Struktur Negeri bagi setiap negeri dari tahun 2010 sehingga 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sebelas (11) negeri di Semenanjung Malaysia yang menerima pakai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah mempunyai Rancangan Struktur Negeri (RSN) yang diwartakan.

Dalam tempoh 11 tahun sejak 2010 hingga 2021, terdapat sepuluh (10) rancangan struktur negeri yang telah diwartakan seperti berikut:

- i. RSN Perlis 2030 pada 12 Jun 2012;
- ii. RSN Selangor 2035 pada 2 Februari 2017;
- iii. RSN Negeri Sembilan 2045 pada 15 Mac 2018;
- iv. RSN Melaka 2035 pada 16 Ogos 2018;
- v. RSN Pahang 2050 pada 14 Mac 2019;
- vi. RSN Pulau Pinang 2030 pada 24 Oktober 2019;
- vii. RSN Johor 2030 pada 26 Mac 2020;
- viii. RSN Kedah 2035 pada 8 Oktober 2020;
- ix. RSN Perak 2040 pada 31 Disember 2020; dan
- x. RSN Terengganu 2050 pada 18 Februari 2021.

RSN Negeri Kelantan 2020 yang telah diwartakan pada 1 Januari 2009 masih berkuatkuasa sehingga Draf RSN Negeri Kelantan 2040 selesai diwartakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha semasa dan **inisiatif** Kementerian untuk membantu para belia **khasnya graduan** yang terpaksa **mengganggu** berikutan kehendak pasaran kerja yang rendah dan ekonomi yang meleset pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Kota Samarahan berkenaan usaha serta inisiatif Kerajaan dalam membantu para belia khususnya graduan yang terpaksa mengganggu berikutan kehendak pasaran kerja yang rendah dan ekonomi yang meleset pasca COVID-19.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, usaha mengatasi pengangguaran melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa komited mengatasi masalah pengangguaran dalam kalangan belia melalui pelaksanaan beberapa inisiatif. Antaranya ialah melalui pelaksanaan :

1. Program Skim Perantisan Nasional (SPN)
2. Program MyGig
3. Webinar seperti Jom Cipta Kerja, Inspire, Kerjaya Agro, *Malaysia Youth Entrepreneur (MyPRENEUR)*
4. Pemantapan fungsi dan peranan Akademi Pembangunan Belia Batu Gajah, Perak (APBMBG)
5. Kurikulum Bidang Keusahawanan
6. Aktiviti Inkubator, *Makerspace* dan Keusahawanan Digital
7. Program *Go eCommerce*
8. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Selain itu, KBS turut meneruskan agenda **pemeriksaan belia melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET)** melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Pembangunan kemahiran belia di bawah KBS terutamanya melalui ILKBS adalah penting dalam menyokong fokus nasional terhadap TVET seperti yang digariskan dalam RMKe-12, dengan jangkaan bahawa lebih **55 peratus pengambilan pelajar lepasan SPM mengikuti program TVET** serta **86.7 peratus kadar kebolehpasaran graduan TVET menjelang tahun 2025**. Kementerian juga akan terus menggandakan usaha bagi memartabatkan TVET KBS sebagai pilihan utama belia di negara ini.

Selain itu, bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan ILKBS dan menjadikan ILKBS sebagai pilihan utama majikan industri, KBS akan terus mengukuhkan kolaborasi dan kerjasama strategik bersama industri, agensi kerajaan serta persatuan alumni ILKBS Malaysia. Ini bagi mengoptimumkan sumber serta meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap kualiti graduan serta menjadikan ILKBS sebagai pusat rujukan dalam pelbagai aktiviti, sama ada bersifat teknikal, sosial dan ekonomi. Untuk itu, TVET KBS akan berusaha menyediakan ekosistem penawaran dan permintaan tenaga mahir secara menang-menang dengan pelbagai agensi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara perkara utama yang akan dilaksanakan adalah seperti;

## NO SOALAN : 21

- i) memperkasa kolaborasi dan jalinan rentas kementerian dan agensi;
- ii) memperkasa kerjasama dan jalinan dengan industri dan alumni yang meliputi seluruh rangkaian pengeluaran dan rangkaian nilai; dan
- iii) pengantarabangsaan TVET ILKBS.

Selari dengan hasrat kerajaan membantu belia mendapat pekerjaan serta mengatasi isu graduan yang menganggur pasca COVID-19, KBS telah melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan **latihan kemahiran dan peluang pekerjaan**. Antaranya seperti:

- i) Program Bootcamp;
- ii) Program *Skill for Youth* (S4Y)
- iii) *Makerspace Mybizhub@ILKBS*
- iv) MyFuture Agro@ILKBS
- v) Inkubator, *Makerspace* dan Keusahawanan Digital
- vi) Karnival Kerjaya Belia (kerjasama dengan PERKESO)
- vii) Karnival Kerjaya 3 Daerah (kerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka)
- viii) *My Digital Workforce Week* (kerjasama dengan MDEC)
- ix) Kursus dengan Kerjasama pihak Universiti (Kursus *Career Starter for Youth* [CS4Y], Kursus *Hire Me Now* [HMN] dan Kursus Profesionalisme Kerjaya [K-Pro])
- x) Sesi Dialog/ Forum/ Seminar (sesi dari sektor industri, universiti, penjawat awam, konsultan serta *influencer*)
- xi) Inisiatif Picksum (Bengkel Bisnes Orang Muda, *Picksum Talks* dan Inkubator Picksum Labs)

## NO SOALAN : 21

Selain daripada itu, KBS juga berusaha meningkatkan kualiti kurikulum latihan dengan pengenalan modul-modul baharu untuk melengkapkan ilmu dan kemahiran pelajar bagi mendepani cabaran Industri 4.0 negara. Antaranya adalah **penambahbaikan 13 *Written Instructional Material (WIM)* berdasarkan perubahan *National Occupational Skill Standard (NOSS)* baharu, penambahbaikan modul subjek ICT dan lain-lain.** Tambahan lagi, KBS juga sedang memperkasa penggunaan teknologi maklumat dan digital dengan **menyediakan persekitaran Pendigitalan@ILKBS.**

Industri digital turut berkait rapat dengan *esports*. Di bawah inisiatif Esports Integrated (ESI), program pembangunan kapasiti telah diperkenalkan untuk membantu golongan belia meningkatkan kemahiran atau menjana pendapatan di dalam industri *esports*. Selain itu, ESI juga telah menyediakan platform perkongsian daripada pemegang taruh industri, personaliti esukan dan pemain profesional untuk memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai peluang yang ada untuk menjana pendapatan melalui *esports*.

Kesemua usaha dan inisiatif yang dilaksanakan Kementerian diharap dapat membantu kerajaan dalam menghadapi isu pengangguran serta memperlengkapkan anak-anak muda untuk meningkatkan kemahiran belia.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat manakah kempen HOC ketika ini telah membantu dalam merancang sektor pembinaan dan perumahan negara kita ketika kita berhadapan dengan pandemik COVID-19. Apakah kempen HOC kali ini yang akan berakhir pada 31 Disember 2021 akan dilanjutkan lagi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan untuk merencanakan sektor pembinaan dan perumahan negara ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign; HOC*) merupakan pengecualian duti setem yang diberikan kepada pembeli untuk pembelian rumah kediaman yang berharga antara RM300,000 hingga RM2.5 juta, terhad kepada RM1 juta pertama daripada harga kediaman tersebut. Pemberian diskaun sebanyak 10% turut disediakan oleh pemaju yang menyertai kempen ini iaitu yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDADA) serta Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDADA). Kempen ini yang bermula sejak Januari 2019 akan diteruskan sehingga 31 Disember 2021.

Bagi bulan Jun 2020 hingga 31 Ogos 2021, jumlah pembeli di seluruh negara yang terlibat dalam HOC adalah seramai 67,576 orang dengan nilai jualan sebenar berjumlah RM52.3 bilion dan nilai jualan selepas diskaun berjumlah RM43.5 bilion. Jumlah diskaun yang terlibat adalah bernilai RM8.78 bilion dengan purata diskaun yang diperolehi pembeli adalah berjumlah 16.8%. Pada masa yang sama, sepanjang pelaksanaan HOC, pengecualian duti setem sebanyak 1% telah mengurangkan hasil Kerajaan sekitar RM400 juta hingga RM500 juta. Namun, dengan bantuan tersebut, Kerajaan dapat membantu mengatasi lambakan rumah tidak terjual dan memastikan lebih ramai rakyat meningkat sejahtera kerana telah memiliki rumah.



## SOALAN NO : 22

Pelaksanaan HOC didapati telah banyak membantu mengurangkan lambakan rumah siap dibina tidak terjual. Walau bagaimanapun, pasaran hartanah dijangka kekal perlahan pada tahun ini kerana faktor domestik dan luaran seperti kenaikan harga bahan binaan, ketidaksepadanan penawaran dan permintaan, harga tanah yang melambung tinggi serta kesan pandemik COVID-19. Selain itu, transaksi pembelian rumah jualan sekunder (*subsale*) juga menyumbang kepada pengurangan kadar pembelian rumah baharu. Setakat ini, Kerajaan bercadang untuk melanjutkan kempen HOC dan Kementerian juga sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan skim pembiayaan perumahan yang lebih bersesuaian dengan keadaan semasa. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam penyediaan skim pembiayaan perumahan yang sesuai adalah seperti pembiayaan 100%, kadar faedah yang rendah dan tetap, serta kelonggaran kriteria untuk kelulusan pinjaman.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah menubuhkan *Panel of Experts* (POE) yang terdiri daripada pakar-pakar dalam industri perumahan serta pembiayaan yang akan memperhalusi model pembiayaan yang lebih mampan. POE ini akan melihat model pembiayaan yang sesuai kepada semua golongan khususnya golongan B40 dan M40.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pertanyaan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai pencapaian kempen HOC dalam merencanakan sektor pembinaan dan perumahan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. HAJI MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di negara ini mengikut negara asal dan nyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendaftarkan mereka terutama mereka yang telah menetap di negara ini melebihi 20 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, bermula 1 Januari hingga 11 Oktober 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,389 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 12,944 orang PATI daripada pelbagai negara dan 134 majikan.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung cadangan untuk mengumpulkan maklumat PATI, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Rekalibrasi PATI yang bertujuan untuk menyelaraskan pendataan PATI melalui pendaftaran maklumat oleh PATI dan majikan yang terlibat. Pelan tersebut turut mensasarkan pemulihan semula sektor ekonomi negara di samping membendung penularan pandemik COVID-19 di dalam negara. Pelan yang mengandungi dua komponen utama iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Tenaga Kerja tersebut dilaksanakan bermula 16 November 2020 sehingga 31 Disember 2021 atau sehingga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi PATI selesai. Sehingga 10 Oktober 2021, jumlah PATI yang berdaftar dalam Program Rekalibrasi Pulang adalah seramai 142,547 orang dan jumlah PATI yang telah pulang ke negara asal adalah seramai 120,045 orang. Manakala, bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja, seramai 209,199 orang PATI telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan daripada jumlah berkenaan, seramai 30,194 orang PATI telah lulus verifikasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAN]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan nilai dan bilangan pekerja dalam industri sukan Malaysia, impak COVID-19 terhadap industri serta strategi Kementerian untuk membantu industri sukan.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut data yang diperolehi melalui COVID-19 Industry Management System (CIMS) Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI), sebanyak 3054 syarikat didaftarkan sebagai kategori industri sukan. Jumlah keseluruhan pekerja yang terlibat ialah seramai 33,213 orang. Selangor merupakan negeri tertinggi mempunyai syarikat industri sukan yang berjumlah 839 syarikat dengan jumlah pekerja seramai 13,348 orang. Manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merupakan negeri yang mempunyai syarikat paling sedikit iaitu sebanyak 10 buah syarikat dengan jumlah pekerja seramai 236 orang.

Satu kajian yang bertajuk **Persepsi Pemegang Taruh Ke Atas Kesan Covid19 Terhadap Industri Sukan** telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada 13 Jun hingga 20 Ogos 2020. Kajian secara online ini yang melibatkan 1,846 responden di seluruh negara. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti kesan ke atas ekonomi dan perkhidmatan yang berkaitan dalam kalangan pemegang taruh industri sukan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP/PKPB/PKPP, mengenalpasti jenis perniagaan/perkhidmatan yang terkesan sepanjang PKP/PKPB/PKPP dan mengenalpasti cadangan, inisiatif dan strategi yang boleh dilaksanakan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk bertahan dalam industri.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan 93.2% terkesan dengan penularan COVID-19, manakala 6.8% menyatakan perkhidmatan yang ditawarkan tidak terkesan dengan pandemik COVID-19. Sebanyak 35.8% industri sukan terpaksa mengurangkan perkerja, 13.5% terpaksa menutup perniagaan manakala 21% terpaksa menghadkan operasi perniagaan.

## SOALAN NO : 24

Kajian juga mendapati industri sukan memerlukan sokongan dan bantuan kerajaan untuk terus bertahan, di mana sebanyak 58.8% menyatakan memerlukan bantuan kewangan, 28% memerlukan penangguhan bayaran pinjaman, 25.9% memerlukan nasihat dan bimbingan perniagaan secara online dan 23.7% mencadangkan pindaan kepada polis/dasar yang sedia ada.

Dalam usaha membantu syarikat/industri sukan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan **Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan (IPBS)**. Secara ringkasnya inisiatif ini merupakan usaha KBS dalam menambah nilai pakej perlindungan rakyat dan pemulihan ekonomi (pemulih) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. IPBS ini mempunyai 7 inisiatif iaitu:

- i) geran prihatin industri sukan atau nama ringkasnya GPIS yang mana syarikat yang berdaftar dengan CIMS akan menerima bantuan berjumlah RM3000/syarikat,
- ii) moratorium bagi penggiat industri sukan,
- iii) insentif sewaan dan operator perniagaan fasiliti sukan KBS,
- iv) tawaran sukarelawan myVac khusus untuk pekerja industri sukan,
- v) skim pembiayaan industri sukan (SPIS) dengan Kerjasama Bank Rakyat dan TEKUN Nasional,
- vi) program vaksinasi industri sukan (SPORTIVAC), dan
- vii) penawaran kursus berkaitan sukan secara percuma.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD  
YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pembangunan fasiliti rawatan pesakit-pesakit yang positif COVID-19 dalam jangka masa panjang (endemik) di klinik-klinik kesihatan (KK) di kawasan berkepadatan tinggi seperti di KK Batu 9, Hulu Langat serta KK Rinching Tengah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk membina bangunan berbumbung di klinik-klinik kesihatan yang terpilih di Negeri Selangor bagi kemudahan rawatan pesakit-pesakit positif COVID-19. Dengan terbinanya bangunan berbumbung ini akan memberi keselesaan dan kemudahan kepada pesakit COVID-19 untuk mendapatkan rawatan dengan penjarakan fizikal daripada pesakit lain seperti ibu mengandung.
2. Pada fasa 1 pelaksanaan, sebanyak 18 buah klinik kesihatan telah dikenal pasti untuk membina bangunan tersebut. Bagi Daerah Hulu Langat, dua (2) klinik kesihatan telah dikenal pasti untuk projek pembangunan bangunan berbumbung iaitu Klinik Kesihatan Kajang dan Klinik Kesihatan Nirwana. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.
3. Berhubung dengan KK Batu 9, Hulu Langat buat masa ini, perkhidmatannya disokong oleh dua klinik yang berdekatan iaitu, Klinik Kesihatan Batu 14 (berjarak 7km) dan Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn (berjarak 7km). Manakala Klinik Kesihatan Rinching Tengah yang beroperasi di dalam bangunan KD2G pula disokong oleh dua klinik kesihatan berdekatan, iaitu Klinik Kesihatan Beranang (berjarak 4km) dan Klinik Kesihatan Semenyih (berjarak 8km).
4. Selain itu, pembinaan KK Semenyih baru dengan kemudahan rawatan penyakit berjangkit yang telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia ke-11 dijangka siap pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah suntikan vaksin pneumococcal yang telah diberi pada tahun 2020-2021 di seluruh negara. Berapa jumlah yang dibelanjakan untuk membeli vaksin ini dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik jenis vaksin dari PCV 10 ke PCV 13.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal di bawah Program Imunisasi Bayi dan Kanak-kanak Kebangsaan di seluruh negara telah bermula sejak 1 Disember 2020. Vaksin Pneumokokal diberikan sebanyak 3 dos iaitu pada umur 4 bulan, 6 bulan dan dos penggalak (booster) pada umur 15 bulan. Jumlah keseluruhan dos yang diberikan adalah sebanyak 85,381 dos pada tahun 2020. Manakala dari Januari hingga September 2021, pemberian dos pertama adalah sebanyak 464,163 dos, dos kedua adalah 454,992 dos dan dos penggalak (booster) sebanyak 157,481 dos. Secara keseluruhan, penerimaan masyarakat adalah sangat tinggi dengan pencapaian peratusan penerimaan dari Januari hingga September 2021 adalah 95.13% untuk Dos 1 dan 93.24% untuk Dos 2 (sasaran Jan-Sep adalah 71.25%, sasaran tahunan adalah >95%).

2. Kementerian Kesihatan telah memuktamadkan perolehan vaksin pneumokokal untuk tempoh kontrak selama dua (2) tahun bermula 16 Oktober 2020 hingga 15 Oktober 2022 dengan nilai kontrak berjumlah RM145.47 juta. Sejumlah RM102,122,500 telah diperuntukkan bagi perolehan vaksin pneumokokal untuk Program Imunisasi Pneumokokal Kebangsaan bagi tempoh 2020-2021.

3. Kementerian Kesihatan menjalankan kajian surveilan secara sentinel di 15 buah hospital KKM bagi memantau impak dari pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal dari segi kejadian kes penyakit pneumokokal invasif di kalangan kanak-kanak berumur bawah 5 tahun dan serotype bakteria *Streptococcus pneumoniae* di kalangan kes-kes penyakit pneumokokal invasif dalam negara. Kini, baru setahun Program Imunisasi Pneumokokal dilaksanakan dengan menyasarkan semua kanak-kanak yang lahir bermula 1 Januari 2020.

4. Kejadian kes penyakit pneumokokal invasif telah berkurang, terutama dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun. Penurunan ini turut disumbangkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan, penutupan pelbagai sektor dan saranan mengamalkan SOP penjagaan kebersihan bagi mencegah penularan jangkitan seperti kerap mencuci tangan, mengamalkan penjarakan fizikal dan mengelakkan tempat sesak.

5. Data surveilan yang dijalankan akan diteliti oleh Jawatankuasa Dasar dan Amalan Imunisasi Kebangsaan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenai pemilihan vaksin dalam pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal. Buat masa ini, dasar perolehan vaksin pneumokokal secara tender terbuka dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
(SUNGAI BULOH)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) daripada 11,904 permohonan untuk tempoh 2015 hingga 2019 untuk kewarganegaraan yang diterima daripada kanak-kanak di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, berapa daripada mereka mempunyai ibu dan/atau bapa warga Malaysia, dan kenapa hanya 1,042 kes dilulus dan 234 kes ditolak dan majoriti besar belum diselesaikan; dan

(b) apakah angka-angka yang sama untuk jumlah permohonan yang sama untuk tahun-tahun 2020 dan 2021 setakat 30 September 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dikhususkan kepada individu di bawah umur 21 tahun yang dikemukakan oleh warganegara Malaysia (pemohon) yang terdiri daripada bapa, ibu bapa angkat atau penjaga sah individu berkenaan.

Setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti tertakluk kepada fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan serta ia diproses mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan dan fakta kes. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk memudahcara permohonan berkenaan selagi ia selaras dengan perundangan yang berkuatkuasa.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2020 hingga 30 September 2021, sebanyak **2,384 permohonan kewarganegaraan** di bawah **Perkara 15A** Perlembagaan Persekutuan yang didaftarkan. **Sebanyak 5 permohonan telah dianugerahkan kewarganegaraan dan tiada permohonan ditolak.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID ABD SAMAD (SHAH ALAM)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah reformasi kepada sistem penjara di Malaysia untuk memastikan penularan penyakit berjangkit seperti yang berlaku semasa penularan COVID-19 dapat dielakkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan proaktif bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di institusi penjara. Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara serta Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara. Dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini, semua anggota Jabatan Penjara Malaysia dipastikan mematuhi Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang telah ditetapkan dan berusaha meningkatkan tahap kecekapan dalam menghadapi situasi tersebut.

Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai Perintah Tetap Jabatan berhubung dengan ujian saringan COVID-19, yang mana telah menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19. Perintah Tetap ini selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara COVID-19 bil. 29 tahun 2020 pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesahan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengambil langkah dalam mematuhi *SOP* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehhajangan COVID-19 dalam kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 3 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*; dan
- ii. Mewujudkan pusat-pusat transit di penjara untuk penempatan banduan yang baru dimasukkan ke penjara dengan mengambilkira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Penjara Malaysia juga telah menyediakan satu pelan holistik jangka panjang bagi merealisasikan agenda transformasi penjara. Agenda transformasi penjara yang lebih menyeluruh turut melibatkan usaha untuk memperkasakan program pemulihan serta integrasi bekas penghuni di luar tembok.

Inisiatif ini sebenarnya telah pun dimulakan melalui Pemerksaan Sistem Parol seawal tahun 2008. Kini, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah memperbanyakkan inisiatif dengan menambahbaik sistem serta usaha selaras dengan halatuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu 2/3 banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara, seperti program Parol, Perintah Kehadiran Wajib, Reintegrasi Penghuni Industri, *Corporate Smart Internship* dan Pembebasan Banduan Secara Lesen. Inisiatif-Inisiatif ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan banduan di dalam penjara malah ia juga merupakan salah satu strategi pengintegrasian semula banduan ke dalam masyarakat dan bersama masyarakat selepas dibebaskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah unit kediaman siap dibina tidak terjual setakat 30 September 2021 dan jumlah nilainya. Apakah puncanya dan impak terhadap ekonomi dan pendapatan negara sekiranya lambakan unit hartanah yang tidak terjual berterusan.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah lambakan rumah tidak terjual (*overhang*) yang berlaku di negara ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat mengenai perkara ini dan berusaha untuk menyelesaikannya bersama semua pihak yang terlibat.

Berdasarkan laporan Status Pasaran Harta Tanah oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), bagi suku kedua tahun 2021 (Q2, 2021) terdapat 31,112 unit rumah siap dibina tidak terjual yang bernilai RM20.1 billion. Bagi suku ketiga tahun 2021 (Q3, 2021), terdapat 30,290 unit rumah siap dibina tidak terjual yang bernilai RM19.75 bilion. Ini menunjukkan terdapat sedikit penurunan sebanyak 2.64% dalam bilangan unit rumah tidak terjual dan 1.74% dalam nilai bagi suku tahun ketiga berbanding suku kedua tahun 2021.

Terdapat penurunan kadar lambakan rumah yang tidak terjual walaupun tidak ketara. Ini dibuktikan dengan penurunan Indeks Harga Rumah pada suku ketiga 2021 (*preliminary*) pada 198.6 mata berbanding suku ketiga 2020 pada 199.9 mata yang menunjukkan penurunan sebanyak 0.7%.

Punca lambakan rumah tidak terjual ini antaranya seperti berikut:

- i. penawaran perumahan yang tidak sepadan dengan permintaan di sesuatu lokaliti;
- ii. harga rumah yang tidak sepadan dengan pendapatan isi rumah;
- iii. lokasi yang kurang menarik;
- iv. pemaju perumahan yang tidak melaksanakan kajian kebolehpasaran (*feasibility study*) yang komprehensif;
- v. transaksi pembelian rumah sedia ada secara *subsale*;
- vi. kenaikan harga bahan binaan;
- vii. harga tanah yang melambung tinggi; dan
- viii. perkembangan pandemik COVID-19.

Lambakan rumah tidak terjual ini akan menyebabkan berlaku kelembapan pasaran hartanah yang **memberi impak kepada ekosistem pemajuan perumahan** serta **menjejaskan rantaian ekonomi secara keseluruhan.**

Antara langkah utama yang telah diambil bagi menangani masalah lambakan rumah tidak terjual adalah melalui:

- i. **Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign; HOC)** di mana **pegecualian duti setem** diberikan kepada pembeli untuk pembelian rumah kediaman yang berharga antara RM300,000 hingga RM2.5 juta terhad kepada RM1 juta pertama daripada harga kediaman tersebut;
- ii. **Pemberian diskaun sebanyak 10%** turut disediakan oleh **pemaju** yang menyertai kempen ini iaitu yang **berdaftar melalui Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDADA) dan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA);** dan
- iii. **Kajian Analisis Data Raya (Big Data Analytics; BDA)** Perumahan bertujuan **mengatasi hartanah siap yang tidak terjual** dan seterusnya berupaya mengetahui **kedudukan pasaran** perumahan hartanah dengan **lebih jelas dan tepat** demi **pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien.**

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pertanyaan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah lambakan rumah yang tidak terjual ini. Isu ini akan sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian dan penyelesaiannya memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk pemain industri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan susulan selepas Mahkamah Persekutuan pada 19 November memberikan kerakyatan Malaysia kepada seorang remaja lelaki yang dilahirkan di Kuala Lumpur pada 2004 oleh wanita yang tidak dikenali dan kemudian diambil sebagai anak angkat oleh pasangan warga Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan yang diputuskan pada 19 November 2021. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan melaksanakan perintah tersebut dan telah menghubungi pihak pemohon melalui peguam beliau supaya hadir ke JPN bagi melaksanakan perintah tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[KALABAKAN]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan membina lebih banyak unit-unit rumah dalam program Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diperlukan oleh warga kawasan daerah Tawau dan daerah Kalabakan memandangkan terdapat lebih 10,000 keluarga yang masih menduduki tanah-tanah milik Kerajaan tanpa kebenaran dan dikategorikan sebagai setinggan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin mengenai masalah setinggan di Sabah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni (*livable*) kepada pelbagai kumpulan sasar, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2021, jumlah rumah setinggan bagi keseluruhan Sabah adalah sebanyak 23,778 unit. Kalabakan adalah termasuk dalam daerah Tawau. Bagi daerah Tawau pula, jumlah rumah setinggan adalah sebanyak 3,600 unit.

Pelaksanaan projek **PPR di Sabah setakat ini merupakan bilangan yang terbesar** iaitu sebanyak **33 projek yang telah siap dibina** merangkumi **23,009 unit** dan **5 projek dalam pembinaan merangkumi 3,090 unit**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,897 unit masih belum diisi iaitu 2,794 unit (di Semporna, Sandakan, Kota Belud dan Lahad Datu) digunakan sebagai pusat kuarantin COVID-19. Selebihnya masih dalam proses pengisian oleh Kerajaan Negeri. **Di Tawau terdapat 2,872 unit PPR telah siap dibina manakala di Kalabakan pula terdapat 470 unit PPR telah siap dibina.**

Selain itu, sebanyak 5 projek PPR sedang dalam pembinaan di Sabah seperti berikut:

- i. PPR Kiansom, Inanam (1000 unit);
- ii. PPR Jalan Tungku, Lahad Datu (650 unit);
- iii. PPR Gayang II, Tuaran (500 unit);
- iv. PPR Tagasan (500 unit); dan
- v. PPR Pitas (440 unit).

Kerajaan akan terus komited dalam menyediakan PPR kepada golongan yang memerlukan. Pihak Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti cadangan lokasi yang bersesuaian untuk program-program perumahan mampu milik dan seterusnya berbincang dengan pihak Kementerian untuk menambah bilangan RMM di Sabah, khususnya di daerah Tawau dan Kalabakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah majikan-majikan tidak menyediakan tempat tinggal yang sesuai untuk didiami oleh pekerja-pekerja asing walaupun sudah ada Akta 446 (Worker's Minimum Standard of Housing and Amenities Amendment) Act 2019. Apakah ada dasar baru akan diperkenalkan untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 10 Disember 2021, sebanyak 162,591 penginapan pekerja telah diperiksa dalam operasi penguatkuasaan oleh Pasukan Kerja Pematuhan Penginapan Pekerja Akta 446. Pemeriksaan tersebut melibatkan seramai 35,512 majikan dan 1,051,350 orang pekerja, yang mana sebanyak 92% (968,028) daripada jumlah tersebut adalah pekerja asing.

Daripada 35,512 majikan yang diperiksa, hanya sebanyak 49.67% didapati mematuhi standard yang telah ditetapkan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Susulan daripada pemeriksaan yang dilakukan sehingga 10 Disember 2021 juga, sebanyak 3,521 arahan baiki penginapan dan sebanyak 13,819 arahan pematuhan yang telah dikeluarkan.

Buat masa ini, Kerajaan sedang dalam proses meminda Akta 446 dengan memasukkan beberapa peruntukan daripada Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja)

(Pindaan) 2021 ke dalam Akta ini. Antara peruntukan baharu adalah berkaitan dengan Kuasa Menteri iaitu untuk menetapkan kategori pekerja yang perlu disediakan penginapan di bawah Akta 446.

Selain itu, cadangan pindaan dalam Akta 446 juga melibatkan peruntukan baharu yang bertujuan untuk **memberikan kuasa** kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk mengeluarkan arahan seperti berikut:

- i) supaya majikan atau penyedia penginapan berpusat mengganti, mengubah atau membaiki penginapan yang tidak mematuhi Akta 446 dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, dan untuk memindahkan pekerja dari penginapan yang sesak dan tidak sesuai didiami manusia ke penginapan sementara yang ditetapkan oleh Jabatan; dan
- ii) supaya majikan atau penyedia penginapan berpusat menanggung semua kos iaitu pengangkutan dari penginapan asal ke penginapan sementara, pengangkutan pergi balik ke tempat kerja dan penginapan sementara dan kos sewaan penginapan sementara.

Cadangan pindaan dalam Akta 446 juga akan memperuntukkan bahawa pelanggaran terhadap perkara-perkara tersebut merupakan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tujuan cadangan memasukkan peruntukan-peruntukan tersebut adalah bagi memastikan operasi penguatkuasaan ke atas penginapan pekerja yang dilakukan di bawah Ordinan Darurat Akta 446 semasa tempoh prokamsi darurat yang lalu dapat diteruskan di bawah Akta 446.

Kerajaan yakin bahawa dengan peruntukan-peruntukan baharu seperti yang dinyatakan dalam cadangan pindaan Akta 446, operasi penguatkuasaan yang bersepadu dapat dilaksanakan di seluruh negara bagi akan dapat mengatasi masalah berkaitan penginapan pekerja asing di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan, jumlah tuntutan bantuan Sistem Insurans Pekerja (EIS) dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi kes pengangguran yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan bagi tahun 2021, sehingga 5 November 2021 sebanyak 55,742 kehilangan pekerjaan telah direkodkan dengan jumlah bayaran adalah sebanyak RM324.6 juta.

Kerajaan memandang serius berkaitan isu pengangguran di kalangan rakyat. Kerajaan melalui PERKESO telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat dengan melaksanakan Program Penjana Kerjaya 3.0 di bawah PEMULIH dengan membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan. Program ini bermula pada 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 dengan insentif seperti berikut:



## SOALAN NO : 33

- I. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke bawah;
- II. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan;
- III. Insentif kepada pengambilan Perantis di kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 – 30 tahun;
- IV. Perluasan insentif pengambilan pekerja di bawah Program KerjayaGig;
- V. Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS); dan
- VI. Program *Malaysianization* untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) di bawah Program SIP Prihatin 2.0 yang mana elaun ini diberikan kepada golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang aktif mencari pekerjaan di dalam MyFutureJobs.

Manakala, bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan, Kerajaan melalui PERKESO menyediakan skim perlindungan kepada pencarumnya di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] yang telah dikuatkuasakan mulai pada 1 Januari 2018 dan berperanan untuk membantu Orang Berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan.

Bantuan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan adalah faedah berbentuk kewangan dan bantuan pencarian pekerjaan seperti mana berikut:

- i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP);
- ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA);
- iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB);

- iv. Elaun Latihan kepada Orang Berinsurans yang menjalani latihan;
- v. Pembiayaan Fi Latihan; dan
- vi. Bantuan pencarian pekerjaan oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

Kerajaan juga dalam Bajet 2022 telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion kepada PERKESO untuk melaksanakan JaminKerja – Insentif Penggajian di bawah Sistem Insurans Pekerjaan yang dijangka akan memanfaatkan 300,000 pencari kerja dari seluruh negara.

6. Menerusi JaminKerja – Insentif Penggajian, para majikan yang menggajikan individu yang tidak aktif bekerja bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Bagi golongan rentan pula, majikan layak menerima insentif sebanyak 30 peratus untuk 6 bulan pertama, sebelum dinaikkan kepada 40 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Kadar insentif yang sama turut akan dipanjangkan bagi pengambilan pekerja golongan wanita yang telah mengganggur melebihi tempoh setahun, ibu tunggal dan suri rumah.

Selain itu, di bawah Bajet 2022 Kerajaan akan meneruskan pemberian bantuan Elaun Mencari Pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan kepada pencarum dan bukan pencarum PERKESO. Inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada program SIP Prihatin 1.0 dan SIP Prihatin 2.0 serta dijangka memanfaatkan seramai 265,000 individu yang aktif mencari pekerjaan. Langkah penambahbaikan insentif EMP ini juga dapat memberi impak yang positif kepada pasaran kerja secara makro, sekaligus membantu mengurangkan kadar pengangguran negara.

Bermula tahun 2022, perluasan dan sambungan program ini akan dijenamakan semula dengan menggunakan nama SIP Elaun Mencari Pekerjaan+ atau SIP EMP+ bagi menggantikan nama SIP Prihatin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf hospital dan menambah kapasiti wad dan katil ICU di Labuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Labuan merupakan sebuah hospital pakar minor berkapasiti 122 katil. Kadar penggunaan katil semasa di Hospital Labuan adalah 41.6% yang merangkumi katil hospital bagi rawatan COVID-19 dan bukan COVID-19. Buat masa ini, Hospital Labuan masih boleh menampung keperluan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Wilayah Persekutuan tersebut.

2. Walau bagaimanapun, KKM sentiasa memantau untuk menaik taraf fasiliti kesihatan dari masa ke semasa sekiranya terdapat keperluan perkembangan perkhidmatan terutama perkhidmatan kepakaran dan diagnostik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan jumlah Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri yang belum menerima suntikan vaksin serta langkah Kementerian untuk menggalakkan mereka mengambil vaksin sekiranya ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 13 Disember 2021, seramai 219 (99.5%) daripada 220 Ahli Parlimen (MP) telah mendapatkan dos lengkap vaksin COVID-19. Manakala bagi ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), seramai 588 (99.7%) daripada 590 ahli telah mendapatkan dos lengkap vaksin COVID-19.

2. Untuk menggalakkan semua MP dan ADUN mendapatkan suntikan COVID-19, para MP dan ADUN telah diberi keutamaan sebagai penerima vaksin awal semasa fasa pertama dan fasa kedua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Selain daripada itu, bagi MP dan ADUN yang belum menerima suntikan vaksin, mereka boleh hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terpilih secara *walk in* bagi mendapatkan suntikan. Para MP dan ADUN juga boleh berhubung terus dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di kawasan masing-masing untuk membuat temujanji.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA** minta **MENTERI KESIHATAN** sama ada Kementerian telah dan/atau sedang membuat kajian dan/atau saringan untuk menetapkan peratusan populasi Malaysia yang sudah ada COVID-19 antibodi dalam darah mereka sebelum mereka divaksinkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Kesihatan Negara (NIH) sedang menjalankan beberapa kajian di kalangan petugas kesihatan dan juga penduduk Malaysia seperti berikut:

- i. KKM telah menerbitkan satu kajian bertajuk *Serology surveillance of SARS-CoV-2 antibodies among healthcare workers in COVID-19 designated facilities in Malaysia* di dalam jurnal berimpak tinggi *The Lancet Regional Health - Western Pacific*. Seramai 400 petugas kesihatan terlibat dalam kajian tersebut daripada pelbagai peringkat termasuk doktor, jururawat dan lain-lain dan kajian telah dilaksanakan semasa gelombang tempatan pertama jangkitan SARS-CoV-2. Hasil dapatan kajian mendapati **tiada antibodi SARS-CoV-2 yang dikesan** (95% CI: 0, 0.0095) daripada populasi kajian tersebut walaupun terdapat laporan seramai 182 (45.5%) mengalami beberapa gejala sebulan sebelum pengambilan sampel darah dan seramai 115 (29%) petugas kajian merupakan kontak rapat dengan COVID-19 orang yang dikenali di luar tempat kerja mereka. Selain daripada itu, kajian juga mendapati pematuhan terhadap garis panduan peralatan perlindungan diri (PPE) dan kebersihan tangan yang baik adalah sangat tinggi. Kesimpulannya, risiko penularan SARS-CoV-2 di dalam kemudahan penjagaan kesihatan dapat dicegah dengan mematuhi langkah kawalan serta penggunaan PPE yang sesuai;
- ii. Kajian *VIGILANCE* pula melihat tahap antibodi peneutralan petugas kesihatan (HCW) setelah melengkapkan vaksinasi dengan vaksin Pfizer. Tempoh kajian bermula dari Mac 2021 hingga Mac 2023. Sebanyak 551 petugas kesihatan telah direkrut dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Queen Elizabeth I dan Hospital Queen Elizabeth II. Sebelum program vaksinasi dijalankan, didapati seramai 27 orang daripada 551 orang petugas kesihatan bersamaan 5% populasi kajian adalah

## SOALAN NO : 36

seropositive, yang menunjukkan terdapat jangkitan COVID- 19 sebelum vaksinasi. Analisa 6 bulan kajian mendapati:

- a. Terdapat penurunan tahap imuniti (*waning immunity*) dalam tempoh 3- 6 bulan setelah vaksinasi;
  - b. Sebanyak 10% (55 orang) kes jangkitan semula (*breakthrough infection*) dilaporkan berlaku di kalangan petugas kesihatan tersebut; dan
  - c. *Breakthrough infection* ini berlaku pada masa yang sama dengan kehadiran varian *Delta* iaitu *Variant of Concern* (VOC) serta seiring dengan jangkitan komuniti yang tinggi.
- iii. Selain itu, KKM telah menjalankan satu kajian seroprevalence COVID-19 dalam kalangan penduduk Malaysia berumur 1 tahun dan ke atas dari 7 Ogos ke 11 Oktober 2020 selepas gelombang kedua COVID-19. Kajian tersebut mendapati bahawa 0.62% (191,279) penduduk Malaysia telah dijangkiti. Sekurang-kurangnya 8 daripada 10 individu yang dijangkiti tidak melaporkan sebarang simptom. Dalam kalangan yang dijangkiti, sekitar 80% mempunyai antibodi peneutralan;
- iv. Sebagai susulan, KKM telah memulakan satu lagi kajian seroprevalens *COVID-19* di kalangan penderma darah Malaysia sebagai proksi status antibodi *COVID-19* di kalangan penduduk dewasa komuniti. Pada masa ini, proses ujian makmal sedang berjalan untuk kajian tersebut. Keputusan kajian akan dimaklumkan sebaik sahaja ujian makmal selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menjelaskan mengenai kerjasama sektor awam dan sektor swasta dalam meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara kita. Sejauh manakah program-program 'Corporate Social Responsibility' hospital-hospital swasta dinikmati oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjasama sektor awam-swasta telah pun dilaksanakan oleh KKM melalui penyumberluaran perkhidmatan kepada pihak swasta seperti perawatan kanser (perkhidmatan *radiotherapy*), perkhidmatan rawatan jantung dan *neurosurgery* serta perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan pesakit melalui udara dan air iaitu perkhidmatan *emergency medical evacuation* (MEDEVAC) dengan menggunakan helikopter dan perkhidmatan ambulan laut dengan menggunakan bot.

2. Semasa berlakunya pandemik COVID-19, KKM telah memulakan penyumberluaran perkhidmatan perubatan (pesakit bukan COVID-19) kepada pihak hospital swasta semenjak tahun 2020 bagi menangani isu tunggakan. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 40 hospital kerajaan dan 83 buah hospital swasta terlibat di dalam perkhidmatan penyumberluaran di seluruh negara, yang mana 10, 581 pembedahan dan prosedur perubatan telah berjaya dilaksanakan. Pihak Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM202 juta bagi membiayai pelaksanaan inisiatif penyumberluaran ini. Selain itu, sebahagian perkhidmatan makmal bagi menjalankan ujian COVID-19 juga disumber luar kepada pihak swasta.

3. Kementerian mengawalselia sumbangan sosial dan kebajikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) melalui Seksyen 105, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Jadual Keduabelas, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, Akta 586. Ini bagi memastikan golongan yang kurang berkemampuan, iaitu golongan berpendapatan sederhana dan rendah juga boleh mendapat kualiti perkhidmatan kesihatan yang setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital swasta.

## SOALAN NO : 37

4. Sehingga kini, sebanyak seratus tujuh (107) hospital swasta telah mengemukakan laporan pemberian sumbangan sosial dan kebajikan kepada Kementerian melalui Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan. Jumlah kumulatif sumbangan sosial dan kebajikan pada tahun 2019 dan 2020 adalah sebanyak RM1,679,547.20 dan telah diberikan kepada 966 pesakit atau penerima sumbangan (perincian seperti di maklumat tambahan).

5. Pada masa kini, pengemukakan data laporan sumbangan sosial dan kebajikan kepada pihak CKAPS adalah secara sukarela. Ini adalah kerana CKAPS masih lagi menumpukan kepada aspek-aspek implementasi Akta 586 yang berkaitan dengan aspek keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan di sektor swasta.

6. Secara dasarnya, kawal seliaan peruntukan sumbangan sosial dan kebajikan melalui Akta 586 telah dan akan memberikan manfaat kepada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk menerima perkhidmatan kesihatan di hospital swasta. Kementerian akan sentiasa memastikan jurang perbezaan sosioekonomi di antara golongan berpendapatan tinggi dan kurang berkemampuan dapat dikurangkan dan pada masa yang sama kebajikan dan keselamatan kesemua kategori pesakit akan sentiasa diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan tegas terhadap remaja dan orang dewasa yang meminum minuman keras di tempat awam dan membuang sampah dan botol arak yang kosong di merata-rata tempat. Perkara ini menjatuhkan imej negara kita dan ini menunjukkan satu sikap yang tidak bermoral kepada generasi akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius tindakan remaja dan orang dewasa yang meminum minuman keras di tempat awam dan membuang sampah serta botol arak yang kosong di merata-rata tempat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan membuang sampah dan botol arak yang kosong di merata-rata tempat dengan mengenakan denda sebanyak RM1,000 berdasarkan Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Seksyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri atau Undang-undang Kecil (UUK) juga boleh dikenakan oleh PBT untuk kesalahan sedemikian. Contohnya, PBT di Negeri Kelantan boleh mengenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan disebat enam (6) kali di bawah Seksyen 25, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 bagi kesalahan meminum minuman keras di tempat awam untuk pesalah yang beragama Islam. Di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan larangan menghisap rokok termasuk rokok elektronik (*vape*) dan larangan meminum arak di semua taman permainan dan rekreasi di seluruh negeri mulai 14 Julai 2020 di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Taman 2005. Individu yang didapati bersalah melanggar peraturan tersebut boleh didenda sebanyak RM1,000 bagi setiap kesalahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membuat satu akta khusus bagi pengawalan dan penanaman ketum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, aktiviti penanaman ketum tidak dikawal di bawah undang-undang sedia ada. Namun, *mitragynine* iaitu alkaloid yang terdapat di dalam ketum telah dikawal di bawah Akta Racun 1952 sebagai racun dan bahan psikotropik sejak tahun 2003. Sehubungan itu, segala aktiviti pengendaliannya seperti pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penyebatian, pencampuran, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya adalah dikawal sepenuhnya di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Sebarang pelanggaran kepada akta dan peraturan tersebut merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Kementerian Kesihatan pernah mencadangkan untuk memperuntukkan kawalan tumbuhan psikoaktif seperti ketum di bawah Akta Racun 1952 melalui Rang Undang-Undang (RUU) Racun (Pindaan) 2019. Namun, RUU ini telah ditarik balik daripada pembentangan di

Parlimen setelah mengambil kira bahawa perbincangan lanjut diperlukan untuk memperhalusi cadangan kawalannya merangkumi aspek penguatkuasaan, kajian saintifik dan komersial.

3. Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang (JPU) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri melalui mesyuarat Bil. 1/2020 pada 21 Julai 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan kawalan tumbuhan ketum di bawah Akta Racun 1952 untuk memberi ruang kepada penubuhan dua jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang (yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan) dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Saintifik dan Komersial (yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan) bagi mengkaji kawalan ketum. Perbincangan dalam kedua-dua Jawatankuasa masih sedang dijalankan. Sehubungan itu, kawalan penanaman ketum masih belum dapat dimuktamadkan, termasuk sama ada akta khusus diwujudkan atau mengawal di bawah Akta Racun 1952. Untuk makluman, JPU ditubuhkan sebagai salah satu jentera pelaksana kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah (JKMD) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan daripada *46 Article United Nation Declaration on the Rights of the Indigenous People (UNDRIP)* berapa yang sudah dilaksanakan dalam bentuk dasar mahupun perundangan di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 13 September 2007, telah bersetuju dengan *The United Nation Declaration on the Rights of the Indigenous People (UNDRIP)* atau Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asli/ Asal. Malaysia adalah antara yang menyokong deklarasi tersebut bersama 144 buah Negara Ahli yang lain dengan 4 negara menentang (*Australia, Canada, New Zealand dan United States of America*). Pada 2016 keempat-empat negara tersebut telah menarik balik tentangan mereka dan bersetuju menyokong deklarasi tersebut.

Asas penyediaan deklarasi ini telah bermula pada tahun 1923 dan 1925 dengan diikuti penubuhan *The Working Group on Indigenous Peoples, yang ditubuhkan oleh United Nations Economic and Social Council (ECOSOC)* pada tahun 1982. Deklarasi telah digubal melalui sejumlah draf bermula dari tahun 1994 hingga 2006, dengan bertujuan

untuk menyediakan dokumen menyeluruh yang akan membantu melindungi hak dan keistimewaan Orang Asli di seluruh dunia.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat berkaitan pelaksanaan kepada 46 artikel yang terdapat pada deklarasi ini, untuk makluman Yang Berhormat, dokumen ini tidak mengikat secara perundangan dalam melaksanakannya oleh Negara Ahli dan pihak Kerajaan telah melaksanakan hampir kesemua artikel tersebut kerana ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan serta dasar sedia ada Negara.

Matlamat deklarasi ini adalah bagi menyokong Negara Ahli untuk bekerjasama dengan masyarakat Orang Asli dalam menyelesaikan masalah global, seperti pembangunan, hak Orang Asli dan ia merupakan satu piawaian pengurusan serta pentadbiran ke atas masyarakat Orang Asli dalam pelaksanaan sebarang bentuk tindakan yang melibatkan golongan minoriti tersebut.

Kebanyakan pernyataan deklarasi ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) serta Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961. Antara prinsip utama deklarasi yang sentiasa dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah *free, prior inform and consent* (FPIC) atau maklum awal, telus, bebas dan izin dalam pelaksanaan pembangunan yang melibatkan Orang Asli.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setiap negeri agar bantuan kewangan boleh disalurkan oleh PBT kepada peniaga kecil yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai bantuan dan insentif kewangan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun lalu melalui pakej rangsangan dalam membantu peniaga kecil yang terkesan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antaranya ialah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Geran Khas Prihatin (GKP).

GKP adalah bantuan khas kewangan yang disalurkan Kerajaan terus ke akaun penerima daripada kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro. Rekod penerima ini didapati daripada agensi-agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia. Sehubungan itu, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menyalurkan peruntukan kepada PBT bagi memberi bantuan yang seumpama.

Maklumat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menunjukkan jumlah penerima GKP kini mencecah 1 juta PKS mikro. Semenjak pandemik COVID-19 melanda negara sehingga hari ini, peruntukan GKP yang telah disalurkan kepada PKS mikro telah berjumlah RM6.08 bilion. Penerima GKP sedia ada yang masih aktif menjalankan perniagaan akan memperoleh manfaat bantuan berterusan yang diberikan Kerajaan dalam membantu aliran tunai dan memulihkan perniagaan mereka semasa tempoh pandemik yang mencabar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan merujuk laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pengangguran di Malaysia kembali meningkat kepada 768,700 orang atau kadar 4.8 peratus pada Jun lepas. Kerajaan perlu laksana bantuan pemulihan dengan memperbanyakkan lagi Program Latihan dan Pendidikan terutama di kawasan luar bandar supaya dapat mencipta pekerjaan baru sebagai contoh dalam sektor pertanian. Apakah usaha atau perancangan pihak Kementerian dalam membantu anak muda luar bandar pasca pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun meningkat 0.7 mata peratus kepada 11.7 iaitu peningkatan sebanyak 21 ribu orang kepada 304.1 ribu orang pada suku ketiga 2021 berbanding 11.0% bersamaan 283.1 ribu orang pada suku tahun kedua 2021. Kadar pengangguran belia mengikut strata di bandar pada tahun 2020 adalah 11.9%, manakala di luar bandar adalah 12.4%.

Untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta membantu rakyat termasuk golongan belia mendapatkan pekerjaan, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan. Antaranya adalah pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Tambahan) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). **Tujuannya adalah untuk memberi bantuan menyeluruh kepada rakyat dan seterusnya mengekalkan pekerjaan termasuk kepada belia di luar bandar.**

Dalam usaha untuk **membantu mereka yang kehilangan pekerjaan** dan juga **sumber pendapatan**, Kerajaan akan **memperluaskan Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencarum PERKESO** terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang **RM300** akan diterima apabila mereka **mendaftar dibawah platform MyFutureJobs.**

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif pengambilan pekerja untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan *gig* yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

Selain itu, sejumlah RM125 juta diperuntukkan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk melaksanakan inisiatif Place and Train di bawah Program Janapreneur terutama kepada belia lepasan sekolah dan

graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Kerajaan juga berusaha meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat melalui pemerksaan elemen kemahiran sendiri, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa melalui inisiatif berikut :

- (i) Platform ***UpskillMalaysia*** di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang disediakan kepada golongan pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) Memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri;
- (iii) **Nurturing EXpert Talent (MYNext)** iaitu platform setempat solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi Pendidikan. Fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan;
- (iv) **Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme – SIP*)** membuka serta menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda;
- (v) **Young Employable Students (YES!)**: penyediaan bakat graduan sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik; dan

- (vi) **Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration* - IAC):** Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia. Objektif utama program ini adalah:
- a. Melahirkan pelajar/ graduan berkemahiran yang memenuhi permintaan industri selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0);
  - b. Mengukuhkan hubungan dua hala antara industri dan institut-institut latihan TVET;
  - c. Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di dalam bidang pekerjaan separa berkemahiran tinggi; dan
  - d. Mengoptimumkan tenaga kerja berkemahiran tinggi memenuhi kepelbagaian strategi pengambilan dan keperluan pekerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[SEGAMBUT]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah TalentCorp dipilih, siapa yang melantik mereka, berikan justifikasi dan kelayakan mereka serta apakah garis panduan yang digunakan untuk memastikan pelantikan mereka tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Ahli Lembaga Pengarah Talent Corporation Malaysia Berhad dilantik berdasarkan kepada pengalaman, keterlibatan dalam industri dan sumbangan kepada industri.

Latar belakang Ahli Lembaga Pengarah Talent Corporation Malaysia Berhad merangkumi pelbagai kelayakan dan pengalaman antaranya dalam bidang pendidikan, perniagaan, kewangan, perundangan dan sosial. Melalui kepelbagaian latar belakang Ahli Lembaga Pengarah ini, Lembaga Pengarah dapat memberi panduan daripada pelbagai perspektif kepada pengurusan Talent Corporation Malaysia Berhad dalam memacu pelaksanaan inisiatif dan program berdasarkan kepada mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan dengan kolaborasi erat bersama pihak industri dan akademia.

Berdasarkan Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan dan Akta Syarikat 2016 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Talent Corporation Malaysia Berhad adalah seperti berikut:

- i. Profil calon akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk persetujuan sebelum didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- ii. Pengarah haruslah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun keatas dan tidak melanggar Seksyen 198.
- iii. Pengerusi Lembaga Pengarah pula adalah berpandukan kepada Memorandum dan Artikel Talent Corporation Malaysia Berhad, hendaklah mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri.